

25/01/1998

Tokoh pidang wang korporat pengkhianat

KUALA LUMPUR: Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) menyifatkan tokoh korporat yang memindah wang bernilai berbilion juta ringgit ke luar negara sebagai pengkhianat dan meminta kerajaan mendedahkan nama mereka untuk diketahui umum.

"Pendedahan ini sebagai suatu bentuk hukuman terhadap mereka serta pengajaran," kata Naib Presidennya, Abdul Halim Ismail dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Abim juga menggesa pihak swasta terutamanya badan korporat, membuktikan komitmen dan rasa tanggungjawab mereka memulihkan keadaan ekonomi negara dengan cara mengatur langkah bersama dan bersepadu dengan kerajaan.

Abim, katanya, sependapat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa rakyat harus bersikap lebih patriotik dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang.

Golongan bawahan, kata beliau, termasuk pegawai kerajaan sudah membuktikan pengorbanan mereka seperti pemotongan gaji dan pekerja sektor tertentu rela tidak menerima kenaikan gaji, bahkan sebahagiannya sanggup menerima separuh daripada gaji masa lalu.

"Namun, di pihak lain ada beberapa kerat tokoh korporat yang memekakkan telinga dan tidak peka terhadap sebarang saranan dan gesaan," katanya.

(END)